

KEDIDI KERIKIL
Ruddy Turnstone

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Arenaria interpres*

CIRI-CIRI

Mempunyai saiz yang kecil serta bahagian paruh yang pendek dan tegap, berwarna hitam. Semasa di luar musim membiak, bahagian kaki yang pendek berwarna merah keperangan manakala bahagian sisi kepala dan dada berwarna kehitaman. Bahagian kepala individu ini berwarna coklat kehitaman di mana jalur di antara bahagian paruh dengan bahagian mata, pipi dan jalur pada bahagian atas kening berwarna pudar. Individu ini mempunyai campuran warna coklat, kehitaman, hitam dan kuning langsung kemerahan pada bahagian atas badan manakala bahagian bawah badan berwarna putih. Semasa musim membiak, individu jantan dewasa mempunyai bahagian kepala yang berwarna putih dan hitam, manakala pada bahagian atas badan, terdapat jalur-jalur yang berwarna hitam dan kuning langsung kemerahan ke warna perang. Bagi individu betina pula, bahagian kepala lebih pudar berbanding individu jantan dewasa di mana terdapat jalur pada bahagian mahkota kepala yang berwarna coklat.

SAIZ

Individu dewasa mempunyai saiz di antara 21-24 sm.

MAKANAN

Siput, ketam, serangga-serangga kecil dan cacing.

HABITAT

Beting lumpur dan pasir, kolam air masin serta lain-lain kawasan tanah bencah.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi bergetar yang cepat *tuk tuk-i-tuk-tuk*, *trik-tuk-tuk-tuk* atau *tuk-e-tuk*. Juga mengeluarkan bunyi *tuk* dengan nada yang rendah semasa mencari pasangan dan bunyi tajam *chik-ik* dan *kuu* atau *teu* semasa dalam keadaan terancam.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah pada bulan Mei-Julai di mana sarang dibina di kawasan lembap atau kering dan selalunya di bawah kawasan berumput atau di kawasan yang terbuka. Telur yang dihasilkan adalah di antara 2-4 biji.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.